

**Teng Pertimbang Bertanding Jawatan Pengerusi Gerakan Pulau Pinang  
Bernama  
19 Ogos, 2013**

GEORGE TOWN, 19 Ogos (Bernama) -- Bekas Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow mempertimbangkan untuk bertanding jawatan presiden Gerakan negeri.

Teng, 50, yang melepaskan semua jawatannya dalam parti pada Mei lepas, berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan pengerusi Gerakan negeri sekarang, Datuk Dr Teng Hock Nan minggu ini.

"Tugas kami sekarang adalah untuk memperkukuhkan parti dan saya akan bertemu Dr Teng untuk membincangkan perkara itu (sama ada untuk bertanding) sebelum membuat apa-apa pengumuman," katanya kepada pemberita selepas mewakili Dr Teng merasmikan mesyuarat agung tahunan Gerakan bahagian Jelutong di sini Ahad malam.

Beliau berharap dalam pemilihan Gerakan akan datang, lebih ramai pemimpin muda berkebolehan akan diberi peluang menerajui parti.

Di sebalik prestasi buruk parti dalam pilihan raya umum Mei lepas, Teng berkata anggota parti perlu terus berkhidmat kepada rakyat dalam usaha memenangi semula sokongan mereka.

Mengenai jawatan pengerusi BN Pulau Pinang, Teng berkata beliau akan menimbang semula keputusannya melepaskan jawatan itu Mei lepas.

"Meskipun semua pemimpin parti komponen di negeri ini menggesa saya supaya menimbang semula keputusan itu, saya terus akan memikul sepenuh tanggungjawab atas kegagalan kami dalam pilihan raya baru-baru ini, dengan melepaskan semua jawatan saya dan memberi laluan kepada pemimpin yang lebih berkebolehan," katanya.

Mei lepas, Teng meletak jawatan sebagai setiausaha agung parti dan pengerusi BN negeri berikutan kekalahan teruk parti gabungan itu dalam pilihan raya umum ke-13 di Pulau Pinang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971010>